



17 APR, 2026

Punca kebakaran diketahui 2 minggu lagi

Harian Metro, Malaysia



PEGUAM, KERANI MAUT DALAM KEBAKARAN

Punca kebakaran diketahui 2 minggu lagi

Butterworth: Punca kebakaran membabitkan firma guaman di Leboh King, Georgetown yang mengorbankan seorang peguam veteran dan kerani wanita pada Isnin lalu dijangka diketahui dua minggu lagi.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Datuk Ahmad Izram Osman berkata, beberapa sampel diperoleh di lokasi dihantar ke Makmal Penyiasatan Kebakaran Elektrik (FiVEL) di Shah Alam, Selangor sehari selepas kejadian untuk tindakan lanjut.

Katanya, ia membolehkan pihaknya memastikan sama ada punca kebakaran itu berlaku sama ada disebabkan pendawaian atau peralatan elektrik.

“Jadi, kita nak semak dulu betul-betul sebelum kita maklumkan punca sebenar kebakaran itu berlaku, apatah lagi dalam kes ini turut melibatkan pihak lain antaranya Suruhanjaya Tenaga (ST), TNB (Tenaga Nasional Berhad dan sebagainya.

“Walaupun kita (JBPM) ada makmal siasatan kebakaran di Pulau Pinang, tapi kes-kes yang melibatkan *electrical fire* (kebaka-

ran elektrik) kita menghantarnya di pusat yang terletak di Shah Alam.

“Kalau kita ikut dia punya (keputusan) maksimum 14 hari (dua minggu) tapi biasanya dalam seminggu atau lebih sikit akan dapat dah keputusan itu,” katanya ketika diminta mengulas perkembangan siasatan kebakaran di firma guaman yang mengorbankan dua individu pada Isnin lalu.

Terdahulu, beliau ditemui pemberita selepas Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2025 JBPM Pulau Pinang yang dianugerahkan kepada 67 anggota dan pegawai di Pusat Konvensyen PICCA, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Ahmad Izram berkata, pihaknya akan melakukan pemeriksaan berkala terhadap bangunan warisan di negeri ini dari semasa ke semasa.

“Kita nak semak dulu betul-betul sebelum kita maklumkan punca sebenar”

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JBPM, Datuk Ahmad Izram Osman